

KEMISKINAN DAN PENDIDIKAN: KESAN DAN CABARAN DI KALANGAN BELIA MALAYSIA

KATTY HSIAO JIA WONG, TI CHING YAN
& JANICE LAY HUI NGA

ABSTRAK

Isu anak-anak muda dalam kemiskinan telah mendapat perhatian seluruh dunia. Belia merupakan sumber keberterusan pemimpin dan tulang belakang kepada sesebuah negara. Justeru, pembangunan sesebuah negara akan ketinggalan jika golongan belia tidak memberi sokongan dan sumbangan yang diperlukan. Salah satu punca utama kemiskinan belia ialah tahap pendidikan yang rendah. Selain itu, gender juga merupakan faktor penting kemiskinan sepertimana yang terbukti dalam kemiskinan belia wanita atau perempuan. Belia perempuan dipercayai menerima pendidikan yang kurang daripada rakan-rakan lelaki dan keadaan ini adalah ketara di negara-negara membangun. Oleh itu, makalah ini meninjau cabaran berkaitannya yang perlu dihadapi oleh belia Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah campuran atau 'mixed method'. Data kualitatif dan kuantitatif terkumpul daripada data primer dan sekunder digunakan dalam kajian memberi tumpuan kepada golongan belia Malaysia yang berumur di antara 15 sehingga 40 tahun. Walaupun kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan belia, penyertaan belia dalam membentuk strategi pembangunan negara masih berada pada tahap rendah. Justeru, ia membantut pembasmian kemiskinan. Selain itu, makalah ini juga membincangkan kesan dan cabaran kemiskinan dan taraf hidup belia berbanding tahap pendidikan. Kajian turut mendedahkan bahawa pelaburan dalam pendidikan asas dapat mengurangkan kemiskinan di kalangan belia melalui peningkatan produktiviti dan kemahiran mereka.

Kata Kunci: Malaysia, Belia, Kemiskinan, Pendidikan, Gender

ABSTRACT

The issue of poverty among young people has received significant attention around the world. Youth are the backbone of a country, major source of leadership and its continuity. Development of a country may suffer if youth do not offer the needful support and contribution. One of the main factors in youth poverty is low level of education. Gender issue is another key factor in poverty issue that sufficient evidence is found among female youth. Female youth is claimed to have received less education as compared to their male counterparts. This phenomenon

is observed to be more apparent in developing countries. Therefore, this study investigates those relevant challenges faced by Malaysian youth. This study employs mixed method approach and utilizes primary and secondary data for its investigation through the lens of youth population. It focuses on youth population aged 15 to 40 years old. While the Malaysian government has attempted to increase the awareness among youth and working on poverty reduction among youth, youth participation in shaping strategies for development are insufficient to some extent. Thus, it interrupts poverty eradication. This study also examines effects and challenges of poverty in relation to the level of education and standard of living. It investigates investment in basic education that is believed capable to reduce poverty among youth by improving productivity and skills; and that in turn reduce youth poverty.

Keywords: Malaysia, Youth, Poverty, Education, Gender

PENGENALAN

Kebelakangan ini, isu kemiskinan belia telah mendapat perhatian masyarakat terutamanya pihak kerajaan dan ahli-ahli ekonomi. Secara umumnya, kemunculan isu kemiskinan belia adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama, antaranya seperti faktor pendidikan, faktor kerajaan, faktor keluarga dan sebagainya. Oleh itu, pelbagai pendekatan adalah diperlukan sekiranya ingin mengatasi cengkaman kemiskinan. Beberapa kajian lepas membuktikan bahawa faktor pendidikan merupakan salah satu faktor yang tidak boleh disisihkan dalam usaha mengurangkan kemiskinan belia (Brown 2007: 321; Rogers 1992:67; Nga, 2009, 134). Apabila seseorang belia mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi, keupayaannya dalam mendapat peluang pekerjaan adalah lebih tinggi dan turut menjamin pendapatan yang lebih lumayan. Oleh itu, pendidikan bukan sahaja mewujudkan peluang ekonomi kepada belia tetapi juga dapat mengurangkan jurang ketidaksaksamaan pendapatan di antara belia dengan golongan lain.

Kemiskinan dan pendidikan berinteraksi dan berkait rapat yang penting untuk meningkatkan keupayaan bersaing di peringkat global dan pemberian kualiti hidup (Berg, n.d.; Chamhuri Siwar 2009: 154). Yakni, orang miskin selalunya menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap akademik tinggi dan orang yang kurang berpendidikan sukar untuk melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Oleh yang demikian, orang miskin dikatakan berkecenderungan untuk melibatkan diri dalam pekerjaan dan kurang berminat dalam mencapai kemahiran akademik secara relatifnya. Keadaan ini telah mengakibatkan kewujudan isu kemiskinan yang serius di kalangan belia yang miskin. Selain itu,

Becker dan Blaug (dalam Oxaal 1997:3) telah menyatakan bahawa pencapaian akademik membolehkan seseorang berdaya saing yang lebih tinggi, berpeluang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan serta berkeupayaan dalam menjana output yang banyak kepada masyarakat berbanding dengan orang yang kurang berpendidikan. Justeru, galakan dan penglibatan belia dalam program pendidikan dapat mengurangkan kemiskinan belia dengan berkesan.

Usaha pelbagai pihak yang menitikberatkan pendidikan telah mengukuhkan lagi kesignifikanan pendidikan dalam pembasmian kemiskinan. Contohnya, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) melalui salah satu komponennya iaitu projek menjana pendapatan berfokus kepada penambahan lebih banyak peluang dan program pendidikan, latihan dan kemahiran di Malaysia (Chamhuri Siwar 2009: 140). Dalam konteks rantau Asean, Pelan Kerja enam tahun (July 2002-June 2008) untuk negara ahli baru seperti Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam atau ringkasnya negara CLMV, pembangunan sumber manusia merupakan salah satu bidang utama untuk membasmi kemiskinan di mana pendidikan merupakan unsur pentingnya (Ragayah Mat Zin 2009: 110).

Selain itu, kewujudan perbezaan kemahiran pendidikan di antara golongan lelaki dan perempuan telah mengakibatkan kemiskinan belia wanita semakin bertambah serius. Di Asia Barat contohnya, 64% daripada tiga juta kanak-kanak yang tidak mendaftar untuk kemasukan sekolah adalah golongan perempuan (United Nations, dipetik dalam Tyer-Viola & Cesarios 2010). Statistik tersebut telah menunjukkan bahawa belia wanita relatifnya mempunyai peluang yang kurang dalam menuntut pendidikan berbanding dengan golongan lelaki. Keadaan ini berlaku khasnya di negara-negara membangun. Remaja perempuan selalunya dianggap sebagai bakal ibu. Hal ini telah menyebabkan kos lepas persekolahan bagi golongan wanita adalah lebih tinggi. Oleh yang demikian, wanita yang berasal daripada keluarga yang miskin selalunya mempunyai kesukaran untuk mendapat kehidupan yang bertaraf tinggi

Sememangnya penglibatan belia yang lebih praktikal dalam strategi pembangunan negara adalah amat diperlukan untuk membanteras kemiskinan belia. Pemikiran dan suara belia harus dititik berat dan diutamakan kerana mereka merupakan pemimpin dan harapan negara kita. Walaupun demikian, ia masih merupakan satu cabaran untuk memperluas peranan belia dalam pembangunan negara dankekangan tersebut menyebabkan kemiskinan di kalangan belia sukar diatasi.

Terdapat beberapa penyelidikan lepas yang mengkaji hubungan antara kemiskinan dan pendidikan, tetapi kebanyakan kajian tersebut adalah

lebih tertumpu kepada kesan keluarga yang miskin terhadap prestasi pelajar dalam pencapaian pendidikan. Kajian berkenaan telah mengabaikan jurang perbezaan kemahiran pendidikan antara gender yang merupakan salah satu faktor utama yang mengakibatkan remaja perempuan terperangkap dalam belenggu kemiskinan. Menurut Zoel Oxaal (1997), pembangunan pendidikan menghadapi cabaran akibat daripada ketidaksamaan dalam gender, kanak-kanak serta latar belakang tahap kekayaan keluarga. Fenomena ini telah wujud di kebanyakan negara membangun sejak beberapa dekad yang lalu dan Malaysia tidak terkecuali. Walaupun kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan kemahiran pendidikan di kalangan pelajar terutamanya pada peringkat sekolah rendah dan menengah seperti menyediakan bantuan kewangan melalui program-program sokongan pendidikan, namun masih terdapat keluarga miskin yang perlu menanggung kos tinggi untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Oleh itu, penyelidikan lebih lanjut berkaitan cabaran yang dihadapi oleh para belia adalah diperlukan. Sehubungan itu, kertas kerja ini mengkaji hubungan antara kemiskinan belia dengan pendidikan di Malaysia akibat daripada ketidaksamaan kemahiran pendidikan akibat perbezaan gender.

KONSEP KEMISKINAN

Kategori tahap pendapatan yang disediakan oleh kerajaan Malaysia telah menyatakan bahawa jumlah pendapatan yang sama atau kurang daripada RM2000 sebulan adalah di bawah kategori isi rumah berpendapatan rendah. Dahulu, pendapatan RM2000 sebulan boleh dikatakan sebagai berada di tahap keselesaan. Malangnya berikutan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, kuasa beli amaun yang sama menjadi semakin berkurangan dan kehidupan harian menjadi semakin susah melalui masa. Miskin didefinisikan sebagai jumlah pendapatan yang sama atau kurang daripada RM750 di Semenanjung; RM960 sebulan di Sabah dan RM830 di Sarawak; manakala miskin tegar bermaksud pendapatan bulanan RM440 di Semenanjung; RM540 di Sabah dan RM520 di Sarawak (Pemandu Pengurusan Prestasi dan Unit Penghantaran, n.d.).

KONSEP PENDIDIKAN

Sistem pendidikan di Malaysia melibatkan beberapa tahap pendidikan. Antaranya ialah pra-pendidikan, pendidikan sekolah rendah, menengah rendah, menengah atas, pos-menengah dan pengajian tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, n.d.). Ishak Yussoff et al. (2009: 179) menghuraikan bahawa pendidikan tinggi merangkumi semua jenis pendidikan lepasan menengah, kolej, institusi latihan perguruan dan pengajian peringkat universiti. Kebanyakan organisasi induk dalam pra-pendidikan dijalankan oleh agensi-agensi bukan kerajaan atau swasta.

Menurut Akta Pendidikan 1996 di Malaysia (pp. 25, 26), pendidikan rendah adalah pendidikan yang wajib bagi warganegara Malaysia. Ibu bapa yang tidak mematuhi peraturan akan didenda RM5000, atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan, atau kedua-duanya sekali. Selain itu, yuran tidak dikenakan pada tahap pendidikan dari peringkat pra-pendidikan hingga pendidikan posmenengah. Oleh itu, ibu bapa tidak mempunyai alasan untuk tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Selain itu, kerajaan menyediakan pelbagai jenis program biasiswa bagi pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah serta pelajar yang mempunyai keputusan cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi.

Konsep Ketidaksaksamaan Gender

Penyelidikan yang dijalankan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDO), Negara dan Kebudayaan, dan Pengajian Bandar Asia Timur (Eva et al., 2001), menunjukkan bahawa kesaksamaan gender adalah satu faktor yang penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Secara umumnya, ketidaksaksamaan akibat gender disebabkan oleh beberapa faktor seperti politik, masa, pendidikan, pekerjaan, dan kesihatan. Di Malaysia, masalah ketidaksaksamaan gender semasa adalah kurang daripada 5% di kalangan penduduk. Ketidaksaksamaan gender merupakan masalah yang serius di Malaysia pada berdekad-dekad yang lalu. Walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan martabat wanita di Malaysia seperti memberi peluang kepada wanita untuk menjawat jawatan tinggi dalam sektor awam dan politik, ketidaksaksamaan antara wanita dan lelaki masih berlaku di Malaysia.

Konsep Belia

Di Malaysia, belia ditakrifkan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Belia adalah golongan masyarakat yang paling ramai di kalangan penduduk Malaysia. Belia menyumbangkan tenaga buruh terbanyak di Malaysia iaitu hampir separuh daripada jumlah penduduk Malaysia yang menyumbangkan tenaga buruh (Sivam Doraisamy, n.d.; UPEN, 2007: 312). Contohnya, sebanyak 65% daripada jumlah penduduk yang bekerja pada tahun 2005 adalah belia atau berjumlah 6.67 juta pekerja adalah belia (Lensa Hati: 8 Ogos 2007).

Kemiskinan dan Pendidikan

Menurut Bourne (2008), kewujudan kemiskinan adalah disebabkan oleh kegagalan dalam mendapat pendapatan yang lebih tinggi dan ini secara tidak langsungnya dipengaruhi dengan pencapaian dalam tahap pendidikan yang rendah. Selain itu, dilaporkan bahawa kemiskinan berkait rapat dengan tahap pendidikan yang dicapai, 66 peratus yang buta huruf merupakan dewasa miskin, 64 peratus daripada dewasa yang belum tamat persekolahan pada peringkat rendah, hanya 22 peratus

daripada golongan dewasa yang miskin mendapat siswazah di sekolah menengah (Bourne, 2008). Statistik tersebut telah menunjukkan bahawa semakin rendah pencapaian dalam akademik, semakin tinggi kemungkinan remaja terperangkap dalam kemiskinan. Tambahan pula, sumber kewangan merupakan salah satu kekangan utama bagi keluarga miskin dalam usaha mereka untuk mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi.

Beberapa kajian lepas telah membuktikan bahawa orang yang miskin biasanya tidak mampu melanjutkan pendidikan yang lebih bertahap tinggi, hal ini disebabkan pembelajaran pada tahap yang semakin tinggi melibatkan kos pelajaran yang semakin tinggi. Oleh yang demikian, pelajar yang miskin mempunyai peluang lebih rendah dalam pendidikan terutamanya pada peringkat tertiar. Seperti yang dijelaskan oleh Ishak Yussof et al. (2009: 180), pendidikan tinggi berkait langsung dengan tahap pertumbuhan ekonomi. Dalam erti kata lain, kekuatan ekonomi merupakan faktor penting dalam pendidikan dan sebaliknya. Selain itu, Oxaal (1997) juga menyatakan bahawa sumber kewangan yang diperlukan dalam pendidikan akan mempengaruhi kadar penurunan dan kemasukan belia di sekolah. Kos persekolahan dibahagikan kepada dua iaitu kos langsung dan tidak langsung. Contohnya, kos langsung merangkumi yuran sekolah, buku dan peralatan manakala kos tidak langsung seperti kos lepas yang terlibat semasa persekolahan. Gibbison dan Murthy (2003, dipetik dalam Bourne, 2008) mengatakan bahawa “produktiviti yang tinggi dapat menjana pertumbuhan dalam ekonomi”. Pendidikan telah dibuktikan sebagai satu pendekatan efektif untuk membanteras kemiskinan kerana ia membolehkan seseorang meningkatkan taraf sosio-ekonomi serta taraf hidup mereka.

Kemiskinan dan Gender

Kabeer (2008) telah menunjukkan ketidaksaksamaan gender menyebabkan golongan wanita mempunyai kekangan yang besar dalam pembayaran pendapatan. Walaupun golongan wanita menyumbang produktiviti yang hampir sama dengan golongan lelaki, mereka sering menghadapi diskriminasi termasuklah penindasan pendapatan baik secara langsung atau tidak langsung. Penyertaan mereka dalam pasaran buruh sering menghadapi perubahan yang besar berbanding dengan golongan lelaki. Stephanie Seguino melaporkan pertumbuhan ekonomi mempunyai hubungan positif dengan pencapaian golongan wanita dalam pendidikan yang bertahap tinggi. Beliau menambah bahawa pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan sekiranya jurang pendidikan dan diskriminasi pendapatan dapat diatasi. Walaupun pembayaran pendapatan bagi golongan wanita telah meningkat melalui masa, jurang perbezaan dalam pendapatan secara keseluruhannya masih wujud dan terbukti dalam kajian kes di Taiwan contohnya. Sekiranya usaha untuk mengimbangkan penyertaan lelaki dan perempuan dalam pasaran tenaga buruh

dilaksanakan secara besar-besaran, ia akan mengurangkan ketidaksaksamaan upah dan seterusnya meningkatkan taraf hidup golongan wanita.

Jurang Gender dalam Pendidikan

Oxaal (2007) mengatakan bahawa pendaftaran masuk golongan wanita untuk mendapatkan pendidikan telah bertambah dari masa ke masa di negara-negara miskin. Walaupun demikian, peluang wanita mendapatkan pendidikan masih lagi lebih rendah daripada lelaki. Didapati bahawa sesebuah negara yang berpendapatan negara lebih tinggi biasanya mempunyai jurang yang lebih kecil dalam ketidaksaksamaan pendidikan berasaskan gender. Namun, ada kajian lepas telah menunjukkan bahawa beberapa negara miskin yang tidak mempunyai hubungan positif di antara pendapatan negara dengan keseimbangan gender dalam pendidikan.

Oxaal (2007) juga menyatakan bahawa peluang pendidikan yang kurang bagi golongan wanita bukan hanya disebabkan kemerosotan dalam pembangunan negara tetapi juga dipengaruhi oleh aspek-aspek seperti sosial, budaya dan dasar-dasar kerajaan. Selain itu, peringkat makro dan mikro juga harus dianalisis. Contohnya, peringkat makro melibatkan dasar-dasar kerajaan atau sistem pendidikan dan ini perlunya dikaitkan dengan kemiskinan dalam isi rumah dan aspek yang berkaitan dengan ketidaksaksamaan dalam gender di peringkat mikro. Di samping itu, golongan perempuan yang berasal dari keluarga miskin selalunya ketinggalan dalam persekolahan kerana keutamaan sosial, manfaat langsung dan kos lepas yang melabur dalam pendidikan perempuan adalah tidak menguntungkan. Persepsi ini telah mengakibatkan kebanyakan wanita terperangkap dalam kemiskinan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa pulangan pelaburan ke atas perempuan di peringkat sekolah menengah adalah lebih tinggi daripada pulangan bagi lelaki. Peningkatan dalam pendidikan dalam golongan perempuan dapat mencegah pertambahan populasi pesat dan seterusnya dapat memberi kesan baik langsung kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, ketidaksaksamaan gender dalam pendidikan akan membawa impak kepada ekonomi negara terutamanya melalui jurang dalam modal insan (Ghulam, 2005). Tambahan pula, golongan perempuan sentiasa menghadapi halangan daripada anggota isi rumah dalam mencapai pendidikan. Sebagai contoh, apabila anggota isi rumah mereka menghidapi penyakit, mereka akan terpaksa menamatkan persekolahan untuk memberi bantuan kepada keluarga. Ini telah menunjukkan bahawa faktor keluarga boleh menjadi salah satu punca utama yang menyebabkan ketidaksaksamaan gender dalam pendidikan.

Perbincangan di atas menunjukkan pembolehubah-pembolehubah seperti kemiskinan belia, jurang gender dan pendidikan adalah faktor-faktor yang berinteraksi antara satu sama lain. Belia yang berasal daripada keluarga miskin sering ketinggalan dalam persekolahan terutamanya bagi golongan perempuan. Walaupun demikian, kekurangan pendidikan merupakan faktor utama yang mengakibatkan belia terperangkap dalam kemiskinan. Hal ini disebabkan persepsi bahawa seseorang yang tidak menerima tahap pendidikan yang tinggi merupakan seseorang yang mempunyai produktiviti yang lebih rendah dan tidak efektif dalam menjalankan tugasannya. Oleh itu, kita harusnya memahami interaksi di antara ketiga-tiga pembolehubah tersebut untuk mengatasi masalah kemiskinan belia.

METODOLOGI KAJIAN

Pelbagai kaedah untuk mendapatkan data telah digunakan dalam kajian ini. Data kuantitatif dan kualitatif yang dikumpulkan dari sumber data prima dan sekunder diintegrasikan dan dianalisis secara terperinci dalam kajian ini. Dalam kajian ini, penjelasan kuantitatif digunakan dalam aspek makro dan penjelasan kualitatif mengenai aspek mikro.

Kajian ini telah diusahakan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai cara utama untuk mengumpul data prima kajian ini. Kajian bertujuan mendapat pengetahuan lanjut mengenai hubungan antara tahap pendidikan dan pendapatan. Soal selidik yang ditadbir sendiri telah digunakan dalam penyelidikan kami. Dua cara utama yang telah digunakan untuk mengendalikan soal selidik dalam kajian ini adalah melalui internet dan penghantaran tradisional atau melalui tangan kepada responden dan mengumpulnya kemudian.

Pembolehubah tidak bersandar dalam penyelidikan ini adalah gaji bulanan dan pembolehubah bersandar bergantung kepada tahap pendidikan yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Selain itu, salah satu hipotesis telah dibangunkan untuk dikaji dalam kertas kerja ini, iaitu tahap pendidikan mempengaruhi kemiskinan belia. Pembolehubah “dummy” digunakan dalam ujian hipotesis. Gaji bulanan RM2000 dan ke bawah akan dianggap sebagai pendapatan rendah dan pendapatan yang tinggi akan dipertimbangkan jika gaji bulanan adalah RM2001 dan ke atas. Tahap pencapaian pendidikan pada tahap pos-menengah dan ke bawah dianggap sebagai berpendidikan rendah. Ia termasuklah responden yang tidak mempunyai sebarang kelayakan atau pencapaian akademik. Tahap pendidikan yang tinggi adalah responden yang mencapai tahap pendidikan selepas pos-menengah.

Teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan bukan berkebarangkalian (non-probability) yang merupakan kemudahan dan pemilihan

sendiri untuk menggalakkan respons dan mengurangkan kekangan kajian berkaitan. Soal selidik dihantar ke alamat e-mel responden dan meminta belia-belia dari setiap negeri di Malaysia di bawah kriteria yang ditetapkan untuk mengisi kajian soal selidik kami. Soal selidik internet akan diambil secara automatik bagi responden yang klik pada hyperlink kajian soal selidik kami. Di samping itu, penghantaran soal selidik dengan tangan ‘by-hand’ kepada responden dan mengumpul kemudian juga telah digunakan termasuklah di pusat membeli-belah. Kajian ini berjaya mengumpul sebanyak 120 respons iaitu 83 respons melalui internet dan 37 respons secara bersemuka dan hantaran tangan atau ‘by-hand’.

Ujian perintis juga dijalankan untuk analisis awal bagi memastikan responden tidak menghadapi masalah dalam menjawab soal selidik dan tidak bermasalah dalam merekodkan data. Komen dan cadangan daripada ujian perintis membolehkan kualiti soal selidik dipertingkatkan.

Selain daripada data prima, data sekunder juga digunakan dalam kertas kerja kami. Data kuantitatif daripada bahan-bahan bertulis, data siri masa daripada pelbagai sumber dan kajian soal selidik yang sedia ada telah digunakan. Contohnya, data kuantitatif mengenai bilangan tenaga buruh mengikut pencapaian pendidikan di Malaysia, dari tahun 1982 hingga 2009 telah digunakan untuk menganalisis hubungan antara tahap pendidikan dan kemiskinan. Selain itu, bahan bertulis mengenai pendaftaran persekolahan mengikut jantina daripada laman web telah digunakan untuk menganalisis hubungan antara tahap pendidikan dengan kemiskinan dari segi jantina.

Beberapa maklumat data kualitatif telah digunakan untuk mengkaji tahap pendidikan dan kemiskinan di kalangan belia Malaysia dari segi pengalaman dan cabaran. Bahan-bahan bertulis daripada surat khabar dan organisasi berkomunikasi dikaji untuk menganalisis pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh belia yang hidup dalam kemiskinan dan tahap pendidikan di kalangan remaja Malaysia.

SPSS telah digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan. Analisis mengikut faktor dijalankan untuk menyusun semula elemen-elemen mengikut dimensi masing-masing. Analisis tentang kebolehpercayaan kajian juga dijalankan untuk menentukan dan menilai nilai-nilai Alpha Cronbach bagi setiap dimensi. Semua ini dilakukan untuk memastikan bahawa semua pembolehubah boleh digunakan dan dipercayai di bawah keadaan soal selidik.

Secara keseluruhannya, seksyen ini menerangkan kaedah penyelidikan dan reka bentuknya. Kajian soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data

prima dan data sekunder daripada akhbar dan organisasi yang lain digunakan. Data terkumpul dianalisis dengan menggunakan pakej SPSS versi 18.

PERBINCANGAN KAJIAN

Profil Responden

Berdasarkan Jadual 2, ia menunjukkan sampel terdiri daripada 46.7% responden lelaki dan 53.5% responden perempuan. Sebanyak 52.5% responden memperoleh pendapatan bulanan yang rendah manakala 47.5% responden memperoleh bulanan pendapatan tinggi mengikut definisi pendapatan kajian ini. Dalam aspek tahap pendidikan, hanya 39.2% daripada responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan sebanyak 60.8% telah mencapai pendidikan yang tinggi.

Kebolehpercayaan Ukuran

Jadual 3 dalam lampiran telah menunjukkan nilai Alpha Cronbach untuk dua ukuran berkenaan adalah 0.385 yang bermaksud kebolehpercayaan adalah sangat rendah. Ia diperbaiki dengan menambah lebih banyak pembolehubah yang berkaitan yang boleh memberi kesan kepada pembolehubah yang tidak bersandar (gaji bulanan).

Statistik Deskriptif

Jadual 4 dalam Lampiran menunjukkan ciri-ciri deskriptif pembolehubah bersandar dan tidak bersandar yang diperoleh melalui soal selidik secara soalan tertutup. Pembolehubah pendidikan mewakili tahap pendidikan yang dicapai oleh responden telah menunjukkan min yang cukup tinggi iaitu pada 0.6083 dengan sisisan piawai 0.49017. Min terendah adalah gaji bulanan dengan 0.2583, dan sisisan piawai 0.43955. Akhir sekali, min jantina adalah 0.5333 dengan sisisan piawai 0.50098.

Korelasi Pearson

Jadual 5 dalam Lampiran menunjukkan indeks korelasi antara hubungan gaji bulanan dengan pencapaian pendidikan adalah 0.40 dan berada di antara 0.2-0.4. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan antara gaji dengan tahap pencapaian akademik dianggap lemah walaupun mereka mempunyai hubungan yang positif.

Model

Dalam ringkasan model seperti dalam Jadual 6, nilai R² adalah 0.057 yang menunjukkan bahawa hanya 5.7% daripada varians dalam pendapatan dijelaskan oleh tahap pencapaian pendidikan. Manakala 94.3% daripada varians diterangkan oleh pembolehubah yang lain. Oleh itu, keputusan kajian permulaan ini adalah tidak kuat dan boleh diperbaiki untuk model regresi yang lebih sesuai.

Analisis Regresi

Hipotesis: Tahap pendidikan mempunyai kesan yang besar ke atas gaji bulanan. Berdasarkan Jadual 7, nilai yang signifikan untuk pembolehubah tahap pendidikan adalah 0.008, lebih kecil daripada 0.05. Ia menunjukkan bahawa hipotesis diterima. Oleh itu, kita boleh menyimpulkan bahawa berdasarkan sampel yang terkumpul, tahap pendidikan memberi kesan ke atas gaji bulanan.

Analisis Tren dalam Pendidikan dan Gender

Berdasarkan Jadual 8 telah menunjukkan bahawa 94.746% daripada lelaki telah berdaftar di peringkat sekolah rendah berbanding dengan kemasukan perempuan sebanyak 94.429% pada tahun 1998. Pada tahun 1999, pendaftaran lelaki dalam peringkat sekolah rendah telah mencapai sebanyak 99.439% manakala perempuan hanya terdapat 97.342%. Jumlah peratus dalam pendaftaran bagi lelaki telah menunjukkan lebih tinggi daripada golongan perempuan di peringkat sekolah rendah dan trend ini telah berterusan sehingga tahun 2007. Ini telah membuktikan bahawa sebahagian kanak-kanak perempuan terabai dalam pencapaian kemahiran pendidikan pada usia awal berbanding dengan lelaki. Walau bagaimanapun, nisbah perempuan dalam pendaftaran meneruskan pelajaran ke peringkat sekolah menengah adalah lebih tinggi berbanding dengan nisbah lelaki di Malaysia. Pada tahun 2007, sebanyak 70.513% daripada perempuan telah mendaftar kemasukan ke sekolah menengah manakala hanya 28.077% daripada lelaki yang telah mengakses ke peringkat sekolah menengah. Hal ini telah membuktikan bahawa golongan perempuan adalah lebih agresif dalam melanjutkan tahap pendidikan yang lebih tinggi. Oleh itu, pelaburan dalam pendidikan perempuan merupakan satu pelaburan munasabah yang menantikkan pulangan yang besar dan terjamin.

Jadual 9 telah menunjukkan kadar belia yang mempunyai kemahiran pendidikan asas. Pada tahun 1998, sebanyak 78.145% daripada lelaki adalah mampu memahami penulisan dan membuat bacaan asas berbanding dengan perempuan yang hanya 61.248% yang mempunyai kemahiran tersebut. Keadaan ini telah bertambah baik sejak tahun 2000 di mananya sebanyak 91.969% lelaki mempunyai literasi yang asas berbanding dengan 85.354% daripada perempuan. Walau bagaimanapun, statistik tersebut telah mendedahkan bahawa jurang ketidaksaksamaan gender dalam pendidikan asas sejak beberapa dekad yang lalu masih berlaku dan belum diatasi dengan sepenuhnya.

Kesan dan Cabaran Pendidikan dan Belia–Program Pendidikan di Kawasan Luar Bandar

Walaupun kadar literasi di kalangan belia Malaysia telah meningkat sejak beberapa dekad yang lalu, isu prestasi persekolahan masih merupakan cabaran di Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar. Menurut laporan (Malaysia, 2003, dipetik

dalam Hassan & Rasiah, 2011), sistem pendidikan Malaysia mementingkan akses, ekuiti dan kualiti, pengukuhan sistem penyampaian, serta peningkatan pencapaian pelajar luar bandar yang bertujuan untuk mengurangkan jurang prestasi antara kawasan bandar dan luar bandar. Walaupun kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar untuk menaik taraf program pendidikan, masih terdapat beberapa negeri miskin seperti negeri Sabah yang mengalami masalah jarak perjalanan ke sekolah. Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd. Puad Zarkashi mengatakan bahawa sebahagian daripada pelajar luar bandar memerlukan enam jam untuk sampai ke sekolah dengan berjalan kaki manakala sesetengah mereka menaiki bot serta perlu bermalam di rumah rakan-rakan mereka yang berdekatan dengan sekolah tersebut. Oleh yang demikian, kerajaan harus memberi lebih banyak bantuan dan kebajikan kepada pelajar-pelajar luar bandar. Selain itu, guru merupakan faktor utama dalam membangkitkan semangat pendidikan di kalangan pelajar luar bandar, kerajaan tidak harus mengabaikan penyediaan perkhidmatan kepada para guru. Contohnya, penyediaan penginapan dan kemudahan-kemudahan sekolah yang lebih baik untuk menggalakkan lebih ramai guru berkhidmat di kawasan luar bandar dan mengurangkan isu ketidakhadiran di kalangan guru perlu dititikberatkan.

Suara Belia

Tidak dinafikan bahawa penyertaan belia dalam strategi pembangunan negara telah mula dititikberatkan di Malaysia. Walaupun demikian, kebanyakan ahli politik telah mendakwa bahawa penglibatan belia dalam proses strategi pembangunan negara boleh menjadi sangat kritikal pada tahap tertentu kerana belia sentiasa terdedah kepada godaan persekitaran dan mudah menjadi emosi. Generasi muda merupakan tenaga manusia utama yang akan berkhidmat di negara kita pada masa depan. Pemikiran, aspirasi serta maklum balas belia bukan sahaja mencerminkan isu-isu yang sedang dihadapi oleh mereka, malah merupakan suatu sumbangan idea-idea yang bernes dan lebih menepati tuntutan zaman untuk membangunkan negara.

Suara belia telah diabaikan sejak beberapa dekad yang lalu terutamanya dari segi politik. Hal ini disebabkan wujudnya persepsi yang salah bahawa belia merupakan seseorang yang tidak cukup matang, justeru tidak diberi peluang untuk menyumbang dalam kemajuan negara. Tambahan pula, belia juga dikatakan menghadapi masalah dalam mendedahkan pandangan mereka kerana kekurangan pengalaman dan keyakinan untuk menyuarakan buah fikiran mereka secara berkesan. Tanpa bimbingan dan bantuan daripada generasi dewasa yang lebih tua, orang muda tidak dapat mengembangkan potensi mereka sepenuhnya.

Selain itu, pelajar-pelajar Universiti telah dilarang untuk melibatkan diri dalam mana-mana parti politik mengikut Akta 30, Universiti dan Kolej

Universiti 1971 di Malaysia. Hal ini telah menyebabkan kebanyakan idea-idea pelajar yang baik dan memanfaatkan pertumbuhan negara telah diabaikan. Ahli Dewan Undangan Negeri YB Alan Ling Sie Kong telah mengatakan bahawa Akta tersebut seharusnya dipinda supaya menggalakkan belia untuk melibatkan diri dalam pembangunan politik negara (Anon, 2011). Kebanyakan negara mula mengiktiraf kepentingan belia dalam sektor urus tadbir, termasuklah Malaysia.

Baru-baru ini, kerajaan Malaysia telah mencadangkan untuk mengadakan parlimen belia supaya belia dapat menyuarakan dan menyumbangkan idea-idea mereka secara lebih langsung. YB Alan Ling Sie Kong menyatakan bahawa parlimen belia merupakan satu platform yang sangat baik untuk menyampaikan kesukaran yang dihadapi oleh belia sekiranya parlimen tersebut dijalankan secara demokrasi tanpa dipolitikkan. Parlimen belia berpotensi untuk membolehkan belia lebih memahami hala tuju negara kita serta menangani isu rasuah dengan lebih telus. Dengan melibatkan belia dalam proses pembangunan negara, sememangnya dapat membawa peningkatan pertumbuhan negara kita. Walau bagaimanapun, tanpa penerimaan dan bantuan daripada generasi tua, belia kita tidak akan berjaya memajukan dalam negara kita.

Faktor Kerajaan

Kerajaan Malaysia menyediakan pelbagai dana melalui program-program pendidikan untuk membolehkan para pelajar melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, antaranya seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Bank Negara Malaysia Biasiswa, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), MARA dan sebagainya. Sistem pendidikan yang lebih bersistematik juga telah dilaksanakan sejak 1960-an untuk memperluas peluang para belia dalam mengakses ke pendidikan peringkat awal serta merapatkan jurang antara pelajar-pelajar miskin dan kaya. Selain itu, kerajaan Malaysia bukan sahaja menawarkan persekolahan secara percuma, buku teks dan alat tulis juga dibekalkan untuk golongan miskin. Walau bagaimanapun, bantuan kebaikan tersebut masih tidak mencukupi. Hal ini dapat dibuktikan melalui tren “brain drain” di kalangan belia Malaysia yang semakin serius dalam beberapa tahun ini. Kebanyakan emigrasi berlaku di kalangan belia Cina dan India. Tren ini tidak berlaku tanpa sebab, salah satu faktor penyumbang adalah pembahagian biasiswa yang tidak mencukupi. Menurut Koon (2009), hampir separuh daripada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang yang sepatutnya dikecualikan daripada pembayaran yuran sekolah telah ditolak untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan. Keadaan ini merumitkan keadaan pelajar-pelajar yang miskin kerana kecemerlangan keputusan mereka mungkin merupakan satu-satunya peluang mereka untuk membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Tambahan lagi, terdapat banyak negara lain yang menawarkan elauan yang jauh lebih tinggi untuk menarik

kedatangan pelajar contohnya negara jiran Singapura. Oleh itu, belia Malaysia lebih cenderung berpindah ke negara lain dan menyebabkan Malaysia kehilangan ramai belia yang berpotensi.

Selain itu, perkhidmatan pengangkutan awam juga telah membimbangkan pihak kerajaan. Perkhidmatan bas adalah pengangkutan awam yang paling murah berbanding dengan pengangkutan awam lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, bas Skyliner yang telah menghentikan operasi sejak Mei 2011 di antara Sabak Bernam dan Kuala Selangor telah menyebabkan ketidakselesaan kepada lebih daripada beribu-ribu penduduk, dan kanak-kanak menghadapi masalah untuk pergi ke sekolah, terutamanya bagi pelajar yang miskin (The Star Online, 21 Mei 2011). Penduduk yang tinggal berjauhan dari sekolah perlu mempunyai pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam untuk pergi ke sekolah. Walaupun masih ada pengangkutan awam yang lain seperti LRT, bas sekolah dan teksi, pengangkutan awam tersebut masih dianggap mahal dan hal ini membebankan keluarga yang berpendapatan rendah.

Faktor Keluarga

Doreena Naeg melaporkan bahawa sebab-sebab kanak-kanak tidak bersekolah adalah kemiskinan, mempunyai ahli keluarga yang sakit atau kecil, dipaksa untuk bekerja dan sebagainya (Borneo Post, 31 Julai 2011). Akibat kemiskinan, kanak-kanak perlu mengikut ibu bapa mereka bekerja untuk meneruskan kehidupan harian. Ibu bapa yang berpendidikan rendah biasanya mempunyai kekangan pengetahuan dalam membimbing anak-anak mereka yang berada dalam persekolahan. Walaupun program e-kasih dan Kumpuan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) telah disediakan oleh kerajaan Malaysia untuk menyokong kanak-kanak miskin untuk pengajian di institusi pengajian tinggi, namun banyak keluarga yang miskin tidak mengetahui atau memahami program ini.

Selain itu, menurut Angeline Loh (2004), yuran persekolahan adalah lebih daripada RM650 sebulan dan RM7800 setahun bagi kanak-kanak. Kos ini merupakan satu beban besar untuk keluarga miskin. Selain itu, peningkatan kos hidup telah memerah kuasa perbelanjaan penduduk miskin dan memaksa mereka menghadapi hidup yang lebih menyusahkan. Oleh itu, keluarga yang miskin membuat keputusan untuk tidak menyokong anak-anak mereka dalam mengejar pelajaran. Tambahan pula, Dana Kanak-Kanak PBB (UNICEF) mengesahkan bahawa kebanyakan kanak-kanak dari kawasan luar bandar seperti kumpulan masyarakat orang asli di Malaysia adalah kumpulan yang tidak bersekolah walaupun mencapai umur persekolahan. Kebanyakan mereka tidak mempunyai sijil kelahiran. Pendaftaran persekolahan adalah paling sukar dibuat jika seseorang tidak mempunyai sijil kelahiran. Masalah ini telah menyebabkan mereka kehilangan peluang untuk bersekolah.

Faktor Individu

Faktor individu juga mempengaruhi kanak-kanak dalam melanjutkan pelajaran mereka. Laporan daripada Doreena Naeg (Borneo Post, 31 Julai 2011) telah menyatakan bahawa fobia peperiksaan yang dihadapi oleh pelajar Penan telah menyebabkan mereka lari daripada mengambil peperiksaan awam pendidikan rendah dan menyebabkan tahap pendidikan yang semakin rendah di kalangan mereka. Masalah ini semakin serius di kalangan kanak-kanak Penan. Tambahan pula, Sheridan Mahavera (2011) melaporkan bahawa 28 daripada 107 orang Cina tidak dapat berbahasa Melayu. Ini adalah kerana mereka hanya berinteraksi dengan kaum Cina. Pencapaian gred rendah dalam mata pelajaran Melayu menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan pelajaran terutamanya sekolah kebangsaan. Menurut kajian soal selidik yang dijalankan, kegagalan dalam mencapai keputusan yang baik dan kehilangan minat belajar merupakan faktor utama yang menyebabkan tahap pendidikan semakin rendah adalah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian dalam pendidikan mempengaruhi tahap kemiskinan di kalangan belia di mana iaanya dipengaruhi oleh jumlah pendapatan. Keputusan yang diperoleh dalam kajian sampel berpadanan dengan kajian lepas, iaitu tahap pendidikan mempunyai hubungan positif dengan gaji. Selain itu, ia juga terbukti bahawa pembolehubah-pembolehubah tersebut berinteraksi antara satu sama lain walaupun data yang diambil tidak sepenuhnya sesuai bagi model tersebut. Oleh itu, untuk meningkatkan kesesuaian dalam model tersebut, kita perlu mengenal pasti pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan yang dapat mempengaruhi tahap kemiskinan belia untuk kajian lanjut. Walaupun begitu, jurang pendidikan akibat gender yang dikaji dalam perbincangan ini harus dititikberatkan terutamanya di peringkat awal persekolahan. Kajian ini telah menunjukkan bahawa golongan wanita mempunyai pengaruh yang besar kepada ahli-ahli keluarga yang lain dan mereka mempunyai lebih tinggi keazaman untuk melanjutkan pelajaran. Oleh yang demikian, galakan kepada golongan belia wanita untuk mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi harus dititikberatkan. Penyertaan belia dalam strategi pembangunan negara juga harus digalakkan kerana mereka merupakan tenaga manusia yang paling penting untuk berkhidmat kepada negara kita. Akhirnya, kajian ini berharap dapat meningkatkan kesedaran kerajaan dan masyarakat tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh belia Malaysia serta kesan tahap pendidikan akibat kemiskinan belia supaya masalah kemiskinan belia di Malaysia dapat ditangani dengan baik.

RUJUKAN

- Anon (n.d.). Poverty Reduction. [online] United Nations Development Programme. Available at: <http://www.undp.org/poverty/focus_gender_and_poverty.shtml>[Accessed 12th July 2011].
- Anon. 2009. UNICEF found 3-4 percent of Malaysian Children not attending school, Bintulu.Org, [online] 20 November. Available at:<<http://www.bintulu.org/news/2009/11/20/unicef-34-cent-malaysian-children-attending-school.php>>[Accessed 31 July 2011].
- Anon. 2011. Youth Parliament must be democratic: Piasau rep. Borneo post, [online] 8th June 2011. Available at: <[http://www.theborneopost.com/2011/06/08/youth-parliament-must-be-democratic-%E2%80%93-piasau-rep%](http://www.theborneopost.com/2011/06/08/youth-parliament-must-be-democratic-%E2%80%93-piasau-rep/)> [Accessed 25th July 2011]
- Berg, S.V.D. (n.d.). *Poverty and Education*: Education policy series: pp. 1.
- Bourne, P.A. 2008. *Poverty and Access to Tertiary Level Education in Jamaica: A model using secondary data*. [online] Available at <http://paul-bourne.joeuser.com/article/328167/Poverty_And_Access_To_Tertiary_Level_Education_In_Jamaica_A_Model_Using_Sec> [Accessed on 28 June 2011].
- Brown, G. K. 2007. Making Ethnic Citizens: The Politics and Practice of Education in Malaysia. *International Journal of Educational Development*, 27(3): 318-330.
- Chamhuri Siwar. 2009. Pembasmian Kemiskinan dan Ketidaksetaraan Agihan Pendapatan. In: Nor Aini Idris and Ishak Yussof (Eds.). *Ekonomi Malaysia ke arah Pembangunan Seimbang*, pp. 135-155. Bangi: Penerbit UKM.
- Doraisamy, S. (n.d.). Situation Of Young Workers In Malaysia.[online] Available at:<http://www.mtuc.org.my/young_workers.htm>[Accessed 12th July 2011].
- Education Malaysia. (n.d.). *Education system of Malaysia*. [online] Available at: <<http://www.mohe.gov.my/educationmsia/education.php?article=system>> [Accessed 8th July 2011].
- Equality to Improve the Health of Women Worldwide*: pp. 582

- Eva, Kris, & Tracy, n.d.. *2001 Malaysia Study Tour Report*. [online] CityU East Asian Studies. Available at:<http://www.onlinewomeninpolitics.org/malaysia/2001_w&g.htm> [Accessed 12th July 2011].
- Ghulam, M. 2005. *Gender Inequality in Education: Impact on Income, Growth and Development* (Lahore, Pakistan: Department of Economics GC University, November 2005), pp. 2-9. http://mpra.ub.uni-muenchen.de/685/1/MPRA_paper_685.pdf
- Hassan, O.R., and Rasiah, R. 2011. *Poverty and Student Performance in Malaysia: International Journal of Institutions and Economies*, 3(1): pp.61, 65.
- Ishak Yussof, Zulkifly Osman and Zainizam Zakariya. 2009. Perkembangan Pendidikan Tinggi dan Kepentingan memenuhi Keperluan Pasaran. In: Nor Aini Idris and Ishak Yussof (Eds.). *Ekonomi Malaysia ke arah Pembangunan Seimbang*, pp. 179-198. Bangi: Penerbit UKM.
- Kabeer, N. 2008. *Gender, Labour Markets and Poverty*: An overview. Poverty in Focus, International Poverty Centre: pp.3-5.
- Koon, Y.Y. 2009. The Great Malaysian Brain Drain. [online] 10th July 2009. Available at: <http://english.cpiasia.net/index.php?option=com_content&view=article&id=1612:the-great-malaysian-brain-drain-&Itemid=171> [Accessed 28th July 2011].
- Laws Of Malaysia, Education Act 1996 (Act 550). 2006. Malaysia: The Commisioner Of Law Revision, Malaysia Under The Authority Of The Revision Of Laws Act 1968 In Collaboration With Percetakan Nasional Malaysia BHD, 2006. s.29(A), pp. 25 – 26.
- Lensa Hati. 2007. *Statistics*, [online] 8 Ogos. Available at: <<http://lensahati.wordpress.com/statistics/>> [Accessed 18 December 2011].
- Loh, A. 2004. Parents struggle to cope with the financial burden of sending children to school, Aliran, [online] Available at: <<http://aliran.com/archives/monthly/2004b/11i.html>> [Accessed 31 July 2011].
- Mahavera, S. 2011. Some Chinese don't speak Bahasa at all, *The Malaysian Insider*, [online] 14 May. Available at:< <http://www.themalaysianinsider.com/print/malaysia/some-chinese-don-t-speak-bahasa-at-all/>> [Accessed 31 July 2011].

- Malaysia Chronicle. 2011. *Malaysia's Brain Drain Worsening and Social Injustice the Cause*. [online] 28th April 2011. Available at: <http://www.malaysia-chronicle.com/index.php?option=com_k2&view=item&id=11496:malaysias-brain-drain-worsening-and-social-injustice-the-cause&Itemid=2> [Accessed 28th July 2011].
- Naeg, D. 2011. Kepping Penan children in school, *Borneo Post*, [online] 31 July. Available at:<<http://www.theborneopost.com/2011/07/31/keeping-penan-children-in-school/>> [Accessed 2 August 2011].
- Nga, J. L. H. 2009. *The Roles of Youth Organisations in Malaysia's Political Development*. PhD Thesis. The University of Leeds.
- Oxaal, Z. 1997. *Education and Poverty: A gender Analysis* (53): pp. 1-13.
- Pekan Persiangan. 2010. *Overcoming Rural Students Problems*. [online] Laman Web Komuniti Desa. 22nd June 2010. Available at: <<http://telecentre.my/pekanpersiangan/index.php/en/education.html?showall=1>> [Accessed 3rd August 2011].
- PEMANDU (Performance Management and Delivery Unit). (n.d.). *Standardising the Definition of Low-income Groups*. [online] Available at:<http://www.pemandu.gov.my/gtp/?page_id=35> [Accessed 3rd March 2011]
- Ragayah Mat Zin. 2009. Poverty and Inequality Reduction in the ASEAN Community: Is Economic Integration a Possible Answer. In: S.Y. Tham, P. P. Lee and Noraini Othman (Eds.). *Community in ASEAN: Ideas & Practices*, pp. 84-117. Bangi: Penerbit UKM.
- Rogers, M. L. 1992. *Local Politics in Rural Malaysia: Patterns of Change in Sungai Raya*. Oxford: Westview Press.
- Said, H.B. (n.d.). *Education in Malaysia: Enhancing Accessibility, Capability and Quality*. [online] Director Department of Higher Education Ministry of Education, Malaysia. Available at: <<http://www.worldedreform.com/intercon/kedre15.htm>> [Accessed 28th July 2011].
- Secretariat Tanzania Movement for and with Children. 2004. *What Children & Young People are Saying about Poverty in Tanzania: An Overview Report on issues in Tanzania*: pp. 5.

The Star. 2011. *Sabak Bernam Folk Have No Bus to Go Anywhere*, [online] 21 May. Available at: <<http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2011/5/21/nation/8726097&sec=nation>> [Accessed 31 July 2011].

Tyer-Viola, L.A., and Cesario, S.K. 2010. *Addressing Poverty, Education, and Gender Equality to Improve the Health of Women Worldwide*: pp. 582

UPEN (Unit Perancang Ekonomi). 2007. Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Putrajaya: UPEN, Jabatan Perdana Menteri.

Universities and University Colleges Act 1971. s.15(1,2,3&4).

Williamson, T. (n.d.). Malaysia.[online] Countries and Their Cultures. Available at: <<http://www.everyculture.com/Ja-Ma/Malaysia.html>> [Accessed 12th July 2011].

Jadual 1: Hipotesis hubungan antara gaji bulanan dan pendidikan

Variables	Explanation	Expected Sign
Monthly Salary	1 if more than RM2001 0 if below RM2000	+
Education Level	1 if he/she has achieved high education 0 if he/she has achieved low education	+

Jadual 2: Profil Responden

No.	Variables	Description	No. of respondents	Percentage (%)
1.	Gender	Male	56	46.7
		Female	64	53.5
		Total	120	100.00
2.	Monthly Salary	Low Income	63	52.5
		High Income	57	47.5
		Total	120	100.00
3.	Education Level	Low Educate	47	39.2
		High Educate	73	60.8
		Total	120	100.00

Jadual 3: Kebolehpercayaan Ukuran

Reliability Statistics	
Cronbach's Alpha	N of Items
N of Items	x2

Jadual 4: Statistik Deskriptif

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Gender1	120	.00	1.00	.5333	.50098
Education	120	.00	1.00	.6083	.49017
Salary	120	.00	1.00	.2583	43955
Valid N (listwise)	120	.00			

Jadual 5: Kolerasi Pearson

		Education	Salary
Education	Pearson Correlation	1	.240**
	Sig. (2-tailed)		.008
	N	120	120
Salary	Pearson Correlation	.240**	1
	Sig. (2-tailed)	.008	
	N	120	120

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 6: Model

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.240a	.057	.049	.42856

a. Predictors: (Constant), Education

**Jadual 7: Analisis Regresi
Coefficients^a**

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	.128	.063		2.042	.043
Education	.215	.080	.240	2.680	008

a. Dependent Variable: Salary

Jadual 8: Nisbah Kemasukan Sekolah Rendah, Menengah dan Pengajian Tinggi

	1998	1999	2006	2007
Pendaftaran Sekolah Rendah (% gross):				
Jumlah	94.592	98.418	97.939	96.607
Perempuan	94.429	97.342	97.674	96.360
Lelaki	94.746	99.439	98.191	96.841
Pendaftaran Sekolah Menengah (% gross):				
Jumlah	66.349	65.479	69.220	68.190
Perempuan	69.103	67.884	71.921	70.513
Lelaki	63.685	63.152	66.628	65.961
Pendaftaran Pengajian Tinggi (% gross):				
Jumlah	22.084	22.982	29.748	32.106
Perempuan	22.798	23.198	32.923	36.221
Lelaki	21.384	22.769	26.629	28.077

Source: *The World Bank*

Jadual 9: Kadar Literasi Mengikut Jantina

	1980	1991	2000	2008
Kadar Literasi, (%)				
15 tahun ke atas)				
Jumlah	69.516	82.915	88.688	92.100
Perempuan	61.248	77.283	85.354	89.800
Lelaki	78.146	88.563	91.969	94.300

Source: The World Bank

Profil Penulis

Katty Hsiao Jia Wong

Lecturer

Economic and Third Sector Research Group

School of Business and Economics

Universiti Malaysia Sabah

Locked Bag No. 2073

88999 Kota Kinabalu, Sabah

Ti Ching Yan

Lecturer

Economic and Third Sector Research Group

School of Business and Economics

Universiti Malaysia Sabah

Locked Bag No. 2073

88999 Kota Kinabalu

Sabah

Janice L. H. Nga, PhD

Economic and Third Sector Research Group

School of Business and Economics

Universiti Malaysia Sabah

Locked Bag No. 2073

88999 Kota Kinabalu

Sabah, Malaysia

janice@ums.edu.my, janicenga@yahoo.com